

Melayu tetap kaum induk

Tidak bererti hak kaum lain diketepikan: Najib

Oleh **Abdul Razak Raaff**

JOHOR BAHRU: Orang Melayu tetap muncul sebagai kaum induk di negara ini tetapi tidak bererti hak kaum lain dinafikan dari segi ekonomi, budaya, politik dan pendidikan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan sudah menyatakan komitmen dalam memperjuangkan keseimbangan orang Melayu tanpa menetapkan had dan tempoh masa, selain menyebut serta memasukkan agenda Melayu dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Selain itu, katanya, Umno akan terus menjadi parti pelopor dalam memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan agama Islam sebagai satu cara tuntutan hidup tetapi pada masa sama tidak mengenyepikan kepentingan kaum lain serta tidak mengamalkan dasar perkauman sempit.

"Atas kebijaksanaan pemimpin kerajaan, pemerintah dapat membina negara bangsa dan menentukan satu bentuk pemerintahan hari ini bagi mewujudkan suasana harmoni dan aman tetapi tidak mencairkan Melayu dan Islam atau hak kepada negara.

"Keindukan hak ini bukan bererti kita laksana dasar perkauman sempit atau tidak boleh mewujudkan

kontrak sosial dengan kaum lain, malah amalkan dasar perkongsian kuasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan Konvensyen Umno Johor 2006, di sini semalam. Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman. Kira-kira 572 ahli Umno berhimpun selama dua hari sempena konvensyen tahunan itu.

Najib yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, keindukan orang Melayu itu bukan bermakna kerajaan meniadakan kepentingan kaum lain, sebaliknya masih mengamalkan sikap bertimbang rasa dengan kaum lain.

"Namun, jangan pula kita mengenyepikan hak yang sewajarnya untuk orang Melayu. Hak kaum lain kita bagi ikut perlembagaan dari segi kejayaan ekonomi, malah ada kaum yang lebih daripada kita.

"Sebab itu, kita terpaksa mengadakan proses membina semula ekonomi kita tetapi itupun kita buat bukan mengenyepikan hak orang lain tetapi kita cuba mewujudkan pertumbuhan ekonomi prang Melayu yang rancak supaya dapat agihkan peluang kepada orang Melayu," katanya.

Najib berkata, Umno tidak menentukan had dan masa dalam memperjuangkan kepentingan kaum Melayu kerana usaha merubah pemikiran dan minda bukan sesuatu yang mudah.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan orang Melayu yang sudah terpinggir hampir 400 tahun adalah timbunan hutang negara dan agak mustahil ia dapat dihapuskan dalam tempoh 20 tahun.

"Kita tidak ada kuasa ajaib untuk keadaan ini kerana kita bukan merubah bentuk fizikal tetapi minda dan inilah yang paling sukar dilakukan serta tidak mungkin dapat dicapai dalam tempoh 20 tahun. Ini bukan bererti kita menafikan keadilan kepada kaum lain tetapi kita menuntut keadilan bagi orang Melayu," katanya.

